

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**JMG 101 – Pengantar Geografi**

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana EMPAT soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. (a) Permukaan bumi terbentuk daripada pelbagai komponen asas. Huraikan perbezaan komponen-komponen asas yang dimaksudkan. (10 markah)  
(b) Bezakan pelbagai struktur dan pola keruangan dalam kajian petempatan manusia. (15 markah)
2. (a) Bezakan wilayah formal dengan wilayah nodal dalam kajian kepelbagaian skala ruangan. (10 markah)  
(b) Huraikan perbezaan skala ruangan permukaan bumi. (15 markah)
3. (a) Kajian fotogrametri menyumbang dalam perolehan data dan maklumat. Tunjukkan cara pengambilan foto dan cara pengiraan skala. (10 markah)  
(b) Bagaimanakah data dan maklumat permukaan bumi dapat membentuk pelbagai jenis peta? (15 markah)
4. Sejauh manakah analisis pengwilayahan dapat menyumbangkan kepentingannya dalam kemajuan Rancangan Pembangunan Wilayah? (25 markah)
5. Sejauh manakah 'Model Guna Tanah Von Thunen' dapat direalisasikan dalam dunia nyata? (25 markah)
6. Sejauh manakah elemen manusia dan alam sekitar dapat membuktikan perhubungannya yang erat dalam kajian Geografi? (25 markah)